

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD  
KHAIR-IL ANUAR BIN WAN AHMAD  
[ KUALA KANGSAR ]**

**TARIKH : 18 MEI 2015**

**RUJUKAN : 7837**

**SOALAN:**

**Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar bin Wan Ahmad [ Kuala Kangsar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha-usaha yang akan dijalankan bagi memaksimakan aplikasi MyKad untuk urusan harian.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kad Pengenalan Biru bertaraf Warganegara Malaysia (MyKad) telah dilengkapi dengan aplikasi pengenalan diri, lesen memandu, maklumat pasport, maklumat kesihatan, *Touch n Go* dan Aplikasi Prasarana Kekunci Awam (*Public Key Infrastructure, PKI*).**

**Sehingga kini, penggunaan MyKad telah turut diperluaskan untuk kegunaan agensi melalui aplikasi *on card* oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Perikanan Malaysia (DOF), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Melalui aplikasi ini, agensi dapat membuat pengesahan maklumat pemegang MyKad dan juga dapat menyimpan maklumat berkaitan aplikasi agensi masing-masing di dalam MyKad dengan persekitaran yang selamat dan terkawal. MyKad juga telah digunakan sebagai medium untuk pengesahan diri secara sepenuhnya oleh bank-bank, Lembaga Tabung Haji (TH), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan banyak lagi termasuk syarikat-syarikat peruncitan.**

**Selain itu, Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) turut menggalakkan dan menyokong syarikat pembangun aplikasi dan pembekal alat pembaca kad**

**membangunkan aplikasi yang boleh menggunakan MyKad untuk tujuan pengesahan identiti diri bagi memaksimumkan penggunaan MyKad. Antara aplikasi tersebut adalah *branchless banking*, pendaftaran maklumat pelawat, pemantauan kehadiran di sekolah memandu dan lain-lain lagi.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak Kementerian Dalam Negeri melalui Jabatan Pendaftaran Negara turut mengambil kira kepentingan untuk memupuk kesedaran orang ramai terhadap kemudahan penggunaan MyKad dalam urusan harian. Dalam hal ini, maklumat mengenai promosi MyKad telah dipaparkan di belakang resit urusan kaunter Jabatan Pendaftaran Negara. Selain itu, Jabatan Pendaftaran Negara juga telah dan akan terus mempromosi aplikasi MyKad melalui program Hari Bertemu Pelanggan, pameran sempena Hari Jabatan Pendaftaran Negara dan lain-lain pameran anjuran agensi-agensi kerajaan seperti Pameran Anti Dadah, Pameran Sempena Minggu ICT dan sebagainya.**